

HELLO KAMPUS

Islamic Spa & Beauty USIM beroperasi Mac ini

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**

pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 27 Jan. - Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bakal menubuhkan Islamic Spa & Beauty serta Klinik Perubatan Komplimentari USIM yang dijangka beroperasi pada bulan Mac nanti.

Pengarah Pusat Kesihatan Universiti, Dr. Nik Mohd. Shafikudin Md. Taujuddin berkata, kos yang diperuntukkan sebanyak RM20,000 untuk pembelian peralatan yang akan memberi perkhidmatan seperti di salon kecantikan iaitu rawatan muka, pelansingan dan mandian sauna.

Islamic Spa & Beauty akan menampilkan keunikan tersendiri dan pelanggan tidak perlu risau tentang penjagaan aurat atau percampuran lelaki dan perempuan, kerana tujuan klinik dan spa itu ditubuhkan

adalah untuk memberikan perkhidmatan yang memenuhi tuntutan syariah kepada warga USIM dan masyarakat sekitar.

Penubuhan Klinik Perubatan Komplimentari adalah sebagai mengangkat semula kaedah perubatan Nabawi dan perubatan traditional, selain mengumpulkan dan mengembangkan ilmu serta tenaga pakar perubatan komplimentari sedia ada," katanya selepas Majlis Pelancaran Perkhidmatan Klinik Komplimentari Perubatan USIM dan Islamic Spa dan Beauty pada Malam Apresiasi Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM di Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Tambahnya lagi, antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti rawatan bekam sunnah, bekam klinikal, akupunktur yang pelbagai seperti berhubung dengan kecantikan, pelansingan, urutan terapeutik, rawatan tulang belakang dan rawatan 'Rukyah'

Di peringkat institut pengajian tinggi pula banyak kajian telah dijalankan mengenai perubatan komplimentari ini tetapi pelaksanaan khidmat perubatan komplimentari masih tiada.

Inisiatif Pusat Kesihatan Universiti itu melaksanakan khidmat perubatan komplimentari adalah untuk meningkatkan profesionalisme dan kredibiliti perubatan komplimentari," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah berkata, semua kakitangan Pusat Kesihatan Universiti ini diminta bekerja keras serta memberi komitmen yang jitu dalam menyumbang khidmat kepada aspek kesihatan yang berkualiti.

Urus setia yang bernaung di bawah Pusat Kesihatan Universiti iaitu Urusetia Perlindungan Perubatan pelajar (U3P) yang ditubuhkan pada tahun 2010 mestilah mampu menjadi pelajar

yang berketerampilan dalam memenuhi ciri-ciri kepimpinan.

Begitu juga sebagai sukarelawan yang mampu membawa nilai murni seperti mana yang terkandung dalam ikon IM4U," kata Mohamed Asin.

Pada majlis yang berlangsung itu turut meraikan alumni urus setia U3P yang dinaungi oleh Pusat Kesihatan Universiti.

Ahli U3P terdiri daripada sukarelawan pelajar persatuan badan beruniform yang dilatih kemahiran dan bersedia dalam pengendalian kecemasan.

Mereka dilatih khas secara dalaman oleh kakitangan Pusat Kesihatan Universiti dan mempunyai silibus yang perlu di pelajari.

Ahli U3P juga akan menjalani latihan luaran yang dikendalikan oleh Bulan Sabit Merah Malaysia dan MERCY Malaysia untuk memperoleh sijil kompetensi.



MOHAMED ASIN DOLLAH (duduk tengah, barisan ketiga) bersama kakitangan dan pelajar USIM sempena Pelancaran Perkhidmatan Klinik Komplimentari Perubatan USIM dan Islamic Spa dan Beauty di Nilai, Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.